

Sertakan gambar sebagai bukti perkembangan projek kerajaan

UM 19 NOV 1981

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye berkata, setiap laporan perkembangan projek-projek kerajaan perlulah disertai dengan gambar-gambarnya sebagai bukti tahap kemajuan yang dicapai.

Menurutnya, pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab memantau sesuatu projek perlu membuat laporan bergambar bagi menunjukkan kesungguhan mereka menjalankan tugas.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas arahan kerajaan supaya semua anggota kabinet, Menteri Besar, wakil rakyat dan pegawai kerajaan turun padang memantau projek-projek pembangunan yang dijalankan.

Beliau memvifatkan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir itu sebagai telus dan bertanggungjawab.

“Dengan mengamalkan pendekatan turun ke padang, rakyat dapat menikmati haknya dalam pembangunan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Lee lagi, setiap rakyat Malaysia berhak untuk kehidupan yang selesa dari segi kesihatan, kesenangan diri serta keluarga seperti makanan, pakaian, rumah, perubatan dan perkhidmatan sosial.

Dalam pada itu, beliau mahu kerajaan mengugurkan kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi yang baik bagi memastikan semua projek pembangunan terutamanya yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan disiapkan mengikut jadual.

Katanya, kerajaan perlu mempunyai sistem pemantauan yang boleh menyenaraikan kontraktraktor dan juruperunding yang menyeleweng serta mengkaji semula sistem kontraktraktor dan tender yang diguna pakai sekarang.

“Tindakan ini perlu bagi meningkatkan keberkesanan serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan kerana kedua-dua aspek ini mampu mengugut imej kerajaan dan kepercayaan rakyat,” katanya.

Menurut Lee, kerajaan membelanjakan bilion ringgit melaksanakan projek pembangunan seperti membina bangunan dan infrastruktur tetapi sayangnya penyelenggaraan projek-projek masih berada pada tahap yang rendah.

“Walaupun kita hebat dalam membina bangunan dan infrastruktur yang canggih tetapi budaya menjaga projek-projek awam dan swasta dari segi penyelenggaraan mahupun perkhidmatan masih bukan merupakan kekuatan rakyat Malaysia,” katanya.